

# e-BuletinUiTMCM *Citra*



| UiTM Cawangan Melaka

#NOVEMBER

eBuletinUiTMCM  
Vol.11 - November /21



Cawangan Melaka

Setinggi-tinggi

## Tahniah

**YBHG. PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI ZAINI**

atas pelantikan sebagai  
**REKTOR**

mulai  
**22 November 2021**

Ikhlas daripada  
**Pengurusan Eksekutif  
& Warga UiTM Cawangan Melaka**

Menyerlahkan Potensi  
Membenutik Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka - Facebook  
@uitemmelaka  
uitemmelaka

### Sorotan menarik bulan November :

- Pelantikan Ketua Menteri Melaka ke 13
- Lawatan Kerja Naib Canselor ke UiTM Cawangan Melaka
- Program "Accountancy X Culture Malaysia-Indonesia"



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



Sidang

# Redaksi

e-BuletinUiTMCM



**Ketua Editor**  
Akmal bin Adanan



**Penolong Editor**  
Arif Imran bin  
Anuar Yatim



**Editor Buletin**  
Azniza binti Hasan



**Editor Buletin**  
Hasnor Zura binti  
Hashim



**Editor Buletin**  
Khalidah Hadibah binti Md Khalid



**Editor Buletin**  
Suraini binti Mohammad



**Editor Grafik**  
Mohd Hanif bin  
Mohd Omar



**Editor Grafik**  
Hail Jefri bin Rusti



**Isi kandungan**  
Anwar Farhan bin  
Zolkeplay



**Isi kandungan**  
Mohamad Asrol bin  
Arshad



**Isi kandungan**  
Nur Hidayah binti  
Zaini



**Isi kandungan**  
Norazimah binti  
Mat



UiTMCM Telegram  
channel



Dapatkan maklumat-maklumat  
Universiti dari Telegram rasmi



Sila imbas kod di atas  
untuk ke "Channel  
STAF UiTMCM"



Sila imbas kod di atas  
untuk ke "Channel  
PELAJAR UiTMCM"



*Citra e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka*  
Terbitan Kesebelas - November 2021

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000  
No. Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

#### **PENAFIAN :**

Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Majalah ini diterbitkan setiap bulan  
©2021 Hakcipta Terpelihara

# Isi Kandungan

## e-BuletinUiTMCM



### Pendahuluan

Dari Meja Ketua Editor 6

### Program-program Universiti

7

Lawatan daripada Profesor Dr Abdul Razak Ibrahim, Naib Canselor KUIM ke UiTM Cawangan Melaka 8-9

Lawatan Kerja Jawatankuasa Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan Sahabat Wadi ke ladang tanaman Pok Pin Durian Muadzam (PPDM), di Muadzam Shah, Pahang 10

Program "ACCOUNTANCY X CULTURE MALAYSIA -INDONESIA" 11

Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Mantan Rektor UiTM Cawangan Melaka 12-13

Dr Rasdi dilantik Rektor UiTM Melaka 14

Perbincangan di antara YBhg. Rektor, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini dan wakil dari Syarikat Taha Cahaya Sdn Bhd 15

Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka 16

Taklimat Bersama JKEN dan Sesi Online Naib Canselor Bersama Warga UiTM Cawangan Melaka 17

Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya, Jasin dan Alor Gajah 18-21

### Siri Bengkel & Webinar

23

Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Dana Wakaf Bencana Antara Yayasan Waqaf Malaysia, Kenanga Investors Berhad dan MATCH Foundation 24

International Webinar Series Research Trend in Computing Sciences 25

Lelaki Gentleman, Lelaki Pemurah 26

Webinar Wakaf | Perundangan Wakaf: Wakaf Bertempoh dan Kemelut Wakaf Tidak Berdaftar 27

Webinar Filantropi Peranan Wakaf Al-Muaqqat dalam Menangani Pandemik Covid-19 : Cabaran dan Potensi 28

### Ucapan Tahniah & Kenaikan Pangkat Staf

29-32

### Kejayaan & Pencapaian

33-36

### Penghargaan

37-38

### UiTM Artikel

39

Perkasa Kerangka Keusahawanan Negara Menerusi RMK-12 40

Galak Penduduk Sertai Pertanian Bandar Organik 41

Calon Perlu Bijak Guna Media Sosial 42

Utamakan Kepentingan Rakyat 43

Pengundi Melaka Perlu Bijak Nilai Kempen Melalui Platform Digital 43

BN Tidak Boleh Terlalu Selesa 44

Pemangkin Keharmonian 44

Dari Meja

## KETUA EDITOR



Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin Citra - Vol.11 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan November 2021.

e-Buletin edisi kali ini memaparkan program-program universiti antaranya Program "ACCOUNTANCY X CULTURE MALAYSIA -INDONESIA", Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Mantan Rektor UiTM Cawangan Melaka, Perbincangan di antara YBhg. Rektor, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini dan wakil dari Syarikat Taha Cahaya Sdn Bhd.

Selain itu, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Profesor Dr Abdul Razak Ibrahim, Naib Canselor KUIM dan YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM cawangan Melaka atas dasar lawatan kerja.

Sekian, terima kasih.

**Akmal Adanan**

Ketua Unit Komunikasi Korporat



## Program-program Universiti

---



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka

# Selamat Datang

**PROFESOR DR  
ABDUL RAZAK IBRAHIM**  
Naib Canselor KUIM

ke  
**UiTM CAWANGAN MELAKA  
KAMPUS ALOR GAJAH**

pada  
3 November 2021

Ikhtisar daripada

**Pengurusan Eksekutif  
dan Warga UiTM Cawangan Melaka**



Menyerahkan Potensi/  
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka - FB Page  
@uitmcm  
@uitmcm  
@uitmcm

## Lawatan daripada Profesor Dr Abdul Razak Ibrahim, Naib Canselor KUIM ke UiTM Cawangan Melaka



MELAKA, 03 November 2021 - Telah berlangsung lawatan daripada Profesor Dr Abdul Razak Ibrahim, Naib Canselor KUIM ke UiTM Cawangan Melaka. Delegasi dari KUIM disambut oleh YBhg. Profesor Dr Abdul Halim Bin Md Noor, Rektor dan ahli JKEN UiTM Melaka.

Turut hadir, Pendaftar KUIM, Puan Siti Hajar binti Abu Kassim dan Puan Norashikin binti Abdul Rahim, Bendahari KUIM.



## Lawatan Kerja Jawatankuasa Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan Sahabat Wadi ke ladang tanaman Pok Pin Durian Muadzam (PPDM), di Muadzam Shah, Pahang



7 NOVEMBER 2021: Telah berlangsung lawatan kerja Jawatankuasa Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan Sahabat Wadi ke ladang tanaman Pok Pin Durian Muadzam (PPDM), di Muadzam Shah, Pahang. Lawatan kerja yang diketuai oleh Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Melaka serta beberapa orang JK WaDI termasuk tukang kebun WaDI termasuk adalah bertujuan menambah pengetahuan tentang teknik

pertanian berkesan. Taklimat ini telah disampaikan oleh pengusaha ladang durian PPDM, yang lebih dikenali dengan gelaran Pok Pin.

Antara objektif lawatan ini ialah:

1. Mendedahkan pengurusan dan pekebun WaDI tentang teknik penjagaan kebun durian dengan rapi dan sistematik.
2. Menambah pengetahuan tentang perundingan tanaman seperti


pengairan, pembajaan dan pengawalan penyakit.

3. Menjalinkan usaha sama dengan pelbagai syarikat persendirian dan agensi kerajaan berasaskan pertanian dalam rangka memperkenalkan jenama WaDI.

Taklimat dan lawatan setengah hari ini berakhir pada jam 1 petang.



## Program "ACCOUNTANCY X CULTURE MALAYSIA -INDONESIA"



MELAKA, 15 November 2021 - Telah berlangsung MELAKA, 15 November 2021 - Telah berlangsung program "ACCOUNTANCY X CULTURE MALAYSIA-INDONESIA" pada 13 dan 14 November 2021 melalui platform zoom yang merupakan program sulung bagi perjanjian persefahaman Fakulti Perakaunan UiTM Melaka dan Politeknik Negeri Padang. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr Abdul Halim Bin Mohd Noor, Menjalankan Tugas Rektor UiTM Cawangan Melaka dan turut hadir Yang Terhormat Bapak Surfa Yondri, Direktur Politeknik Padang serta para pensyarah dan mahasiswa kedua-dua institusi. Program anjuran Member of Bachelor Accountancy Club (MEBA) yang kolaborasi bersama Member of Diploma in Accountancy Club (MEDIA), Himpunan Mahasiswa Akuntansi (HMJA) Politeknik Negeri Padang dan Biro Pembangunan Akademik

Pembangunan Akademik Pelajar, Fakulti Perakaunan ini bermatlamat untuk berkongsi ilmu tentang pendidikan, budaya dan adat resam diantara dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia supaya dapat mengeratkan lagi hubungan antara negara walaupun berbeza pendapat dan norma kehidupan masing-masing. Disamping itu, terdapat juga kuiz perakaunan dan pertandingan video "accounting scandal" yang disertai oleh mahasiswa kedua-dua buah negara. pada 13 dan 14 November 2021 melalui platform zoom yang merupakan program sulung bagi perjanjian persefahaman Fakulti Perakaunan UiTM Melaka dan Politeknik Negeri Padang. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr Abdul Halim Bin Mohd Noor, Menjalankan Tugas Rektor UiTM Cawangan Melaka dan turut hadir Yang Terhormat

Bapak Surfa Yondri, Direktur Politeknik Padang serta para pensyarah dan mahasiswa kedua-dua institusi.

Program anjuran Member of Bachelor Accountancy Club (MEBA) yang kolaborasi bersama Member of Diploma in Accountancy Club (MEDIA), Himpunan Mahasiswa Akuntansi (HMJA) Politeknik Negeri Padang dan Biro Pembangunan Akademik Pelajar, Fakulti Perakaunan ini bermatlamat untuk berkongsi ilmu tentang pendidikan, budaya dan adat resam diantara dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia supaya dapat mengeratkan lagi hubungan antara negara walaupun berbeza pendapat dan norma kehidupan masing-masing. Disamping itu, terdapat juga kuiz perakaunan dan pertandingan video "accounting scandal" yang disertai oleh mahasiswa kedua-dua buah negara.

The poster is for a virtual event titled "MAJLIS *Lambaian Kasih Sanjungan Budi*". It features a portrait of Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor, a former rector of UiTM Melaka, on the right. The event is scheduled for 22 November 2021 (Isnin) at 3.00 PM. A YouTube icon with the text "Dalam Talian" indicates it is an online event. The top right corner displays the UiTM logo and "Cawangan Melaka". The bottom right corner includes the motto "Menyerlahkan Potensi / Membentuk Masa Hadapan" and social media handles for UiTM Melaka (Facebook, Instagram, Twitter, and YouTube).

MAJLIS *Lambaian Kasih Sanjungan Budi*

PROFESOR DR. ABD HALIM MOHD NOOR  
Mantan Rektor UiTM Cawangan Melaka

22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)  
3.00 Petang

Dalam Talian

Menyerlahkan Potensi / Membentuk Masa Hadapan

UiTM Cawangan Melaka: PPKam  
@melakacawangan  
@utmmelaka  
@utmmelaka

## Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Mantan Rektor UiTM Cawangan Melaka



## Dr Rasdi dilantik Rektor UiTM Melaka



Melaka: Bekas Dekan Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi dan Penolong Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Jasin Profesor Madya Ts Dr Mohd Rasdi Zaini dilantik sebagai Rektor UiTM Melaka.

UiTM Melaka dalam kenyataan menjelaskan Rasdi menjalankan tugas bermula 22 November lalu bagi menggantikan Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor yang telah tamat tempoh lantikan.

Rasdi, 47, pernah menjawat jawatan sebagai Fellow di Institut Antarabangsa Pengurusan Perlindungan juga aktif dalam penyelidikan dan inovasi di peringkat nasional mahupun

antarabangsa serta beberapa jawatan penting lain. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Entomologi Pertanian pada 2013 dan Ijazah Sarjana dalam bidang Perlindungan Tanaman dari UiTM pada tahun 2005.

Berasal dari Melaka, Rasdi turut menganggotai badan profesional 'Malaysia Board of Technologist' (MBOT) dan beberapa badan profesional lain antaranya Incorporated Society of Planters (IIPM) dan The Entomological Society of Malaysia (ENTOMA). Selain itu, beliau juga pernah menerima pelbagai anugerah antaranya

Anugerah Usahawan Tani 2020 dari Kerajaan Negeri Melaka melalui Exco Pertanian dan Pembangunan Usahawan Negeri Melaka, 'Academic Excellence Service Award', Anugerah Penyelidik Harapan dalam bidang Sains dan Teknologi, UiTM Pahang 2009, dan Anugerah Sri Gading sebagai penulis paling aktif dalam penerbitan jurnal antarabangsa UiTM Pahang 2009.

Pelantikan Rasdi sebagai Rektor UiTM Melaka diyakini mampu meneruskan kesinambungan kepimpinan dan kecemerlangan graduan UiTM khususnya UiTM Melaka.

## Perbincangan di antara YBhg. Rektor, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini dan wakil dari Syarikat Taha Cahaya Sdn Bhd



MELAKA, 25 November 2021 - Telah berlangsung sesi perbincangan di antara YBhg. Rektor, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini dan wakil dari Syarikat Taha Cahaya Sdn Bhd bersama PKNM Energy Sdn Bhd

diketuai oleh Jurutera Awam, En. Mohd Azhar Ismail berkaitan cadangan pemasangan sistem tenaga solar di negeri Melaka. Pertemuan yang diadakan ini adalah salah satu inisiatif ke arah "Melaka Green City"



## Taklimat Bersama JKEN dan Sesi Online Naib Canselor Bersama Warga UiTM Cawangan Melaka



*rozie*

takes a  
walkabout  
tour to the

UiTM Teknologi MARA  
Cawangan Melaka

29 NOVEMBER 2021

we are  
honoured to  
welcome  
you



## Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.



MELAKA, 29 November 2021 - Telah berlangsung Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.

Sesi lawatan kerja dimulakan dengan Siaran Langsung Coffee Talk with Rozie (CTWR) Dan sesi demonstrasi Leitto Kahve di Cafe KBM,Aras 4 UiTMKBM.

Sesi lawatan diteruskan dengan taklimat bersama JKEN UiTM & Sesi online bersama Warga UiTMCM.Taklimat dimulakan dengan ucapan dan pembentangan kampus oleh YBhg. Rektor, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini dan seterusnya ucapan daripada

YBhg. Naib Canselor, Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor. Turut hadir, Prof Dr Fadzlan Sufian@ Sopian (FPP) (Top professor), Ts. Dr. Khyrina Airin Fariza Abu Samah (FSKM) ('Top author'), Dr Hamidah Bani (FPN) ('Top researcher'), Dr. Sharmiza Ab Hassan (FSSR) ('Creative arts') dan En Ahmad Khairuman Md Hasim (FPHP) ('Graduate Employability').

YBhg. Profesor turut dibawa melawat sekitar Kampus Bandaraya antaranya Pejabat Centre for PostGraduate Study (IPSIS), BMU, PTAR dan Smart Classroom diiringi Prof Madya Dr Ismadi Badarudin, Timbalan Rektor HEA, Dato' Ts Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor HEP dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN).



## Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin.



JASIN, 29 November 2021 - Telah berlangsung Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin.

Sesi lawatan dimulakan dengan menandatangani Buku Pelawat oleh YBhg. Naib Canselor bersama Penolong Rektor dan Ketua Bahagian/Unit UiTMCM Kampus Jasin, seterusnya beliau dibawa melawat ke Fakulti Perladangan.



## Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.



ALOR GAJAH, 29 November 2021 - Telah berlangsung Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.

Sesi lawatan dimulakan dengan lawatan ke Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) UiTMCM bagi acara Perasmian Waqaf Dusun Ilmu (WaDI) dan acara menanam pokok Durian Duri Hitam.

YBhg. Profesor turut dibawa untuk melawat Student Learning Center di KPP2, Parkir Solar Berbumbung dan D'Bukit dan akhir sekali ke Kompleks Unit Sukan.

Turut hadir YBhg. Prof Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini, Rektor, YBhg Prof Madya Dr Ismadi Badarudin, Timbalan Rektor HEA, Dato' Ts Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor HEP dan barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN).



## Lawatan kerja YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA ke UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)



## Siri Bengkel & Webinar

Universiti

---

## Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Dana Wakaf Bencana Antara Yayasan Waqaf Malaysia, Kenanga Investors Berhad dan MATCH Foundation

Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Dana Wakaf Bencana Antara Yayasan Waqaf Malaysia, Kenanga Investors Berhad dan MATCH Foundation yang turut disaksikan oleh YB Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Yayasan Waqaf Malaysia dan Tuan Yang Terutama Charles Hay, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia.



## International Webinar Series Research Trend in Computing Sciences



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka



### INTERNATIONAL WEBINAR SERIES: RESEARCH TREND IN COMPUTING SCIENCES

Proactively Predicting Mental  
Illness: My Research Sharing

19 NOV | 3PM (MYT)  
2021 | 2PM (WIB)



**GUEST SPEAKER:**

DR. RUHAILA BINTI  
MASKAT  
UiTM SHAH ALAM



<https://bit.ly/3ovus6t>



**MODERATOR:**

DR. SITI FEIRUZS BINTI  
AHMAD FESOL  
UiTM MELAKA CAMPUS

Organised by:  
Faculty of Computer and Mathematical Sciences, UiTM Melaka Campus &  
Fakultas Ilmu Komputer, Universitas Mercu Buana

## Lelaki Gentleman, Lelaki Pemurah



## Webinar Wakaf | Perundangan Wakaf: Wakaf Bertempoh dan Kemelut Wakaf Tidak Berdaftar

Program Webinar Wakaf Bersiri Siri 6

### Perundangan Wakaf : Wakaf Bertempoh dan Kemelut Wakaf Tidak Berdaftar

26 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)  
10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

FB & Youtube Live Yayasan Waqaf Malaysia  
FB Live UiTM Sungai Petani, Merbok, Kedah

Pengesanan Kehadiran Disediakan

**UCAPTAMA**  
YBrs. Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Yayasan Waqaf Malaysia

**PANEL**  
YBrs. Tu. Haji Fakhruddin Abd. Rahman  
Ketua Yayasan Wakaf  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

**PANEL**  
YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Mashitah Mahomed  
Pegawai Kanan, Jabatan Perundangan & Undang-undang  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

**MODERATOR**  
Dr. Sakinatul Raadiyah Abdullah  
Pegawai Kanan  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

**DR. SAKINATUL RAADYAH ABDULLAH**

**DR. AMIR SHAHARUDDIN**

**TUAN HAJI FAKHRUDDIN**

**PROF. MADYA DR. SITI MASHITOH**

**PROF. MADYA DR. SITI MASHITOH**

**DR. AMIR SHAHARUDDIN**

## Webinar Filantropi Peranan Wakaf Al-Muaqqat dalam Menangani Pandemik Covid-19 : Cabaran dan Potensi



**WEBINAR FILANTROPI**  
SIRI KE-5

ANJURAN UNIT EL-WAZIF DENGAN KERJASAMA CIPSE  
UITM CAWANGAN MELAKA

**"Peranan  
Wakaf Al-Muaqqat  
dalam Menangani Pandemik Covid 19:  
Cabaran dan Potensi"**

**JUMAAT  
26 NOVEMBER 2021  
9:30am - 11:30am**

Platform:  
YOUTUBE DAN FACEBOOK LIVE  
UITM CAWANGAN MELAKA

**PANEL 1**  
SABRUS SAMAHAN  
DATUK DR. LUQMAN ABDULLAH  
Mufti Wilayah Persekutuan

**PANEL 2**  
PROF. MADYA DR AHMAD CHE YAACOB  
Pengarah Unit Dakwah Wazaf  
Perubatan UTM

**MODERATOR**  
USTAZ MUAZ HJ MOHD NOOR  
Koordinator El-Wazif  
UITM Cawangan Melaka

Jam Latihan dan E-Sijil Disediakan





## UCAPAN TAHNIAH Pelantikan Baharu/ Kenaikan Pangkat Staf/ Kejayaan & pencapaian Warga Universiti



 UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA | Cawangan Melaka

Setinggi-tinggi  
*Tahniah*  
YBHG. PROF. MADYA TS.  
DR. MOHD RASDI ZAINI  
atas pelantikan sebagai  
**REKTOR**  
mulai  
22 November 2021

ikhlas daripada  
Pengurusan Eksekutif  
& Warga UiTM Cawangan Melaka

Mengukuhkan Polisi  
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka | Facebook | Instagram | Twitter | YouTube





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka

# Tahniah

**PN. AZRINAWATI  
MOHD NORZALI**  
Bahagian Pentadbiran

atas kenaikan pangkat  
**KERANI KANAN (N22)**

mulai  
3 November 2021

Ikhlas daripada

Pengurusan Eksekutif  
dan Warga UiTM Cawangan Melaka



Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka: 18 Borneo  
#melakaUiTMCommunity  
@uicmelaka  
uicmelaka

**Keputusan UMAC 2021**

**Anugerah PERSEMBAHAN TERBAIK**



UNIVERSITY MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) 2021

PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**NURULAYU NATASHA BINTI MOHD AZAHARI KHAN**  
UITM CAWANGAN MELAKA  
KAMPUS ALOR GAJAH

30 - 31 OKTOBER 2021.

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

**Keputusan UMAC 2021**

**Anugerah MOTIVATOR HARAPAN**



UNIVERSITY MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) 2021

PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**NUR AZLIN SAMAD**  
UITM CAWANGAN JOHOR  
KAMPUS SEGAMAT

30 - 31 OKTOBER 2021.

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

**Keputusan UMAC 2021**

**Anugerah TEMPAT KETIGA**



UNIVERSITY MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) 2021

PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**SITI SALIMI BINTI MD SIDEK**  
UITM SHAH ALAM

30 - 31 OKTOBER 2021.

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

**Keputusan UMAC 2021**

**Anugerah NAIB JUARA**



UNIVERSITY MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) 2021

PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**NURULAYU NATASHA BINTI MOHD AZAHARI KHAN**  
UITM CAWANGAN MELAKA  
KAMPUS ALOR GAJAH

30 - 31 OKTOBER 2021.

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

**Keputusan UMAC 2021**

**Anugerah JUARA**



UNIVERSITY MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) 2021

PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


**TAUFIQ BIN MOHD HASSAN**  
UITM CAWANGAN PERAK  
KAMPUS TAPAH

30 - 31 OKTOBER 2021.

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

**Keputusan UMAC 2021**

**Anugerah PILIHAN JURI**



UNIVERSITY MOTIVATOR COMPETITION (UMAC) 2021

PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PUTERI NUR SARAH BT MEGAT MOHD RUZAINI**  
UITM CAWANGAN SABAH  
KAMPUS KOTA KINABALU

30 - 31 OKTOBER 2021.

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan





**Tahniah!**




diucapkan kepada:

Ketua Perunding  
**Dr Intan Maizura Abdul Rashid**

Ahli  
Prof. Dr Abd Halim Mohd Noor, Prof. Ts. Dr Shafinar Ismail, Mr Syahiru Shafial,  
Miss Amirah Hazimah Borhanordin, & Mrs Harniyati Hussin  
atas anugerah **UiTM Top Talent Awards, Zon Selatan sempena  
Consultancy Annual Awards 2021**

Ikhlas daripada:  
**Rektor, Pengurusan Eksekutif & Warga UiTM Cawangan Melaka**

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka | Facebook: UiTM Cawangan Melaka | Instagram: UiTM Cawangan Melaka | Twitter: UiTM Cawangan Melaka

**Tahniah!**



diucapkan kepada:

**DR. INTAN MAIZURA BINTI ABDUL RASHID (Ketua)**  
**EN. SYAHIRU BIN SHAFIAI**  
**CIK AMIRAH HAZIMAH BINTI BORHANORDIN**  
**PN. HARNIYATI BINTI HUSSIN**

atas kejayaan memperoleh Geran  
Penyelidikan daripada **Perbadanan  
Produktiviti Malaysia (MPC)** bernilai


**RM19,700.00**

**Kepentingan Intervensi Digitalisasi Melalui  
Pendekatan Tingkahlaku Pengunjung/  
Pelancong Di Negeri Perlis**

20 September 2021 hingga 31 Disember 2021

Ikhlas daripada:  
Pengurusan Eksekutif & Seluruh Warga  
UiTM Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka | Facebook: UiTM Cawangan Melaka | Instagram: UiTM Cawangan Melaka | Twitter: UiTM Cawangan Melaka

**Tahniah!**



diucapkan kepada:

**DR. INTAN MAIZURA BINTI ABDUL RASHID (Ketua)**  
**EN. SYAHIRU BIN SHAFIAI**  
**CIK AMIRAH HAZIMAH BINTI BORHANORDIN**  
**PN. HARNIYATI BINTI HUSSIN**

atas kejayaan memperoleh Geran  
Penyelidikan daripada **Perbadanan  
Produktiviti Malaysia (MPC)** bernilai


**RM19,000.00**

**Kesedaran Mengatasi Obesiti Di Kalangan  
Kanak-kanak Ke Arah Gaya Hidup Sihat: Faktor  
Tingkahlaku Tabiat Pemakanan Di Kawasan  
Bandar dan Luar Bandar**

30 September 2021 hingga 15 Disember 2021

Ikhlas daripada:  
Pengurusan Eksekutif & Seluruh Warga  
UiTM Cawangan Melaka

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



UiTM Cawangan Melaka | Facebook: UiTM Cawangan Melaka | Instagram: UiTM Cawangan Melaka | Twitter: UiTM Cawangan Melaka



## PENGHARGAAN & Terima Kasih





## ARTIKEL/MEDIA

Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka

---

# Perkasa kerangka keusahawanan negara menerusi RMK-12



Oleh Dr Mohamad Idham  
Md Razak dan Profesor Madya  
Dr Zailin Zainal Ariffin  
bhrencana@bh.com.my



Mohamad Idham  
adalah Pensyarah  
Kanan Universiti  
Teknologi MARA  
(UiTM) Melaka,  
manakala Zailin  
Pensyarah Kanan  
Universiti  
Pertahanan Nasional  
Malaysia (UPNM)

**Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)** dibentangkan baru-baru ini, dijangka dengan inisiatif kemakmuran bersama berteraskan tiga dimensi utama, iaitu pemerikasaan ekonomi, kemapanan alam sekitar serta kerakyasan sosial.

Berikutan pandemik melanda negara hampir dua tahun lamanya, pembangunan aktiviti usahawan nasional terencat.

Justeru, RMK-12 dilihat membantu hampir semua kategori usahawan terjejas termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), koperasi, perusahaan sosial dan juga usahawan tidak formal.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) juga amat komited memperkasakan agenda melahirkan bangsa usahawan selaras aspirasi Keluarga Malaysia digagaskan Perdana Menteri.

Selain dasar pemulihan sektor usahawan nasional, pelan diumumkan turut berlandaskan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030).

Dasar ini bertujuan menyediakan fasiliti inkubator yang akan diwujudkan di luar bandar dan kawasan kurang membangun bagi menyokong individu untuk menjadi usahawan serta pembangunan *intrapreneurship* dalam organisasi.

Langkah ini membuka ruang dan peluang pekerjaan terutama dalam bidang usahawan. Melalui RMK-12, pelbagai inisiatif dipergiatkan

bagi melahirkan usahawan kompetitif dan mapan bagi meningkatkan pembangunan keusahawanan melalui galakan usahawan dipacu inovasi.

Mengambil kira aspek pelan transformasi negara pelbagai inisiatif akan dijalankan untuk menambah usahawan berinovatif, termasuk belia, Bumiputera dan kumpulan sasar khususnya dalam industri strategik dan berimpak tinggi seperti pertanian pintar dan ekonomi digital seiring Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Ini akan mempertingkatkan daya saing usahawan tempatan pada peringkat global. Subjek keusahawanan adalah teras bagi kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) awam mahupun swasta di Malaysia untuk melatih dan menerapkan ilmu keusahawanan dalam diri mahasiswa.

Kerajaan komited menjayakan bidang keusahawanan terutama PMKS yang bertindak sebagai pe-

nungkin dalam memastikan negara mencapai status berpendapatan tinggi dengan menawarkan pelbagai inisiatif dan peluang pekerjaan.

Objektif ini selari Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang memfokuskan 10 laluan utama dalam usaha memastikan sistem pendidikan tinggi yang komprehensif bagi membolehkan Malaysia bersaing pada peringkat global.

Usahawan juga teras pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Trajektori ekonomi sebuah negara bergantung kemampuan usahawan berfikir kritis dan dinamik. Usahawan yang baik bukan sahaja berupaya membangunkan perusahaan dan ekosistem perniagaan yang baik, namun turut bertanggungjawab memastikan pembangunan terhadap masyarakat dan negara.

Malah, hasil usahawan mampu memberi pulangan dan kesejahteraan kepada masyarakat secara inklusif. Peranan usahawan penting bagi sesebuah negara kerana usahawan ejen penggerak dan peneroka bidang yang kreatif.

Langkah ini dapat mengatasi kejuruteraan ekonomi semasa serta mengurangkan masalah pengangguran terutama dalam kalangan graduan.

Secara amnya, usahawan berkemampuan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat secara menyeluruh.

Komitmen berterusan ditunjukkan Perdana Menteri dan kerajaan bagi menambah baik ekosistem keusahawanan dijangka dapat meningkatkan sumbangan PMKS pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 45 peratus dan pendapatan koperasi kepada RM60 bilion pada 2025.

Usaha ini jika dapat dilaksanakan dengan jayanya, akan merealisasikan hasrat untuk melahirkan Keluarga Malaysia yang seimbang dan dinamik serta progresif bagi mencapai matlamat transformasi ekonomi yang inklusif.



Manfaatkan inisiatif disediakan menerusi RMK-12 lahirkan usahawan berinovatif seiring IR 4.0. (Foto Ilustrasi)

Artikel Akhbar - Berita Harian  
02 November 2021

Sumber Artikel : Dr. Mohamad Idham Md Razak  
Pensyarah Kanan FP&P UiTMCM  
dan  
Profesor Madya Dr Zailin Zainal Ariffin  
Pensyarah Kanan UPNM

## Galak penduduk sertai pertanian bandar organik

### SAUDARA PENGARANG.

**BAJET 2022** yang telah dibentangkan Jumaat lalu tidak lupa untuk memberi fokus terhadap sektor pertanian supaya Malaysia tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan import pada jangka masa panjang.

Peruntukan bagi industri pertanian adalah sebanyak RM1.5 bilion termasuk bagi memberi subsidi benih dan baja.

Kerajaan juga menyediakan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan stok bekalan makanan dan hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk petani serta pengusaha agromakanan.

Sesuai dengan pembentangan bajet itu dan fasa endemik Covid-19 yang baru sahaja bermula, situasi ini perlu disambut baik oleh rakyat dengan mengambil langkah drastik untuk menjana pendapatan.

Antara peluang yang dilihat cerah adalah dalam sektor pertanian bandar organik yang bukan sahaja dilihat mampu menjana pendapatan malah menjadi salah satu usaha memulihara alam sekitar.

Kedudukan Malaysia yang berada di tangga kelapan di rantau Asia Pasifik pada Indeks Keselamatan Makanan Global 2020 bukan petanda negara akan sering berada di kedudukan selesa.

Kedudukan itu boleh jatuh ke tangga bawah dengan perubahan corak permintaan yang sentiasa berubah dan kos sara hidup semakin meningkat hari demi hari.

Isu yang ingin dikupas di sini ialah pertanian bandar organik perlu dijadikan satu format perniagaan lebih jelas dan efisien dalam membantu masyarakat yang mengalami kemerosotan ekonomi keluarga akibat Covid-19.

Pertanian bandar organik boleh dijadikan batu loncatan dalam usaha membantu golongan asnaf, gelandangan dan keluarga yang hilang punca pendapatan untuk bangkit semula bagi meniti hari yang mendatang.

Agensi yang menguruskan hal kebajikan masyarakat seperti pusat zakat negeri boleh

membimbing dan membantu menyediakan geran dana pertanian bandar organik.

Malah, tanah wakaf boleh digunakan untuk menjalankan pertanian bandar organik ini kerana kaedah sedemikian tidak memerlukan pembukaan kawasan pertanian baharu yang harus ditarah tanah atau ditebang pokok.

Cukup sekadar kawasan sedia ada yang boleh dikawal selia dari segi sistem pengairan yang baik dan apa yang menarik, pertanian bandar organik tidak perlu menggunakan bahan kimia yang memudaratkan kesihatan sekali gus mengurangkan kos selenggaraan secara total.

Pemain industri yang boleh dijadikan rujukan ialah Ladang Organik Sunway yang terletak di Ipoh, Perak.

Kelebihan yang ada pada ladang sedemikian adalah penggunaan kaedah pertanian organik yang mesra alam semula jadi bagi memastikan pembeli dapat menikmati makanan yang selamat serta bebas bahan kimia.

Langkah sama turut dibuat oleh syarikat Sunway XFarms di Selangor yang meletakkan sasaran untuk mewujudkan ladang pertanian bandar organik dalam lingkungan lima kilometer dari setiap kawasan perumahan.

Kesimpulannya, sudah sampai masa kita mengguna pakai sumber yang tersedia dengan mengaplikasikan kaedah yang lebih inovatif seperti pengurusan tanah wakaf dan dana zakat untuk pertanian bandar organik.

Masyarakat perlu membiasakan untuk hidup lebih sihat dengan memastikan sumber makanan tidak tercemar dengan bahan kimia.

Malah, memilih sumber makanan seperti pertanian organik mampu memanjangkan jangka hayat manusia dan alam sekitar. Akhir kata, sumber makanan yang *halalan toyyiban* (baik) merupakan fardu (kewajipan yang dituntut) untuk umat Islam.

**NURUL ZAMRATUL ASYIKIN AHMAD  
& HARNIYATI HUSSIN**  
UiTM Melaka Kampus Alor Gajah



**PERTANIAN** bandar organik mampu menjana pendapatan untuk penduduk yang hilang pekerjaan.

Artikel Akhbar - Berita Harian  
02 November 2021

Sumber Artikel : Nurul Zamratul Asyikin Ahmad  
Harniyati Hussin  
Pensyarah Kanan  
FP&P,UiTMCM



Siaran Langsung - Berita Perdana RTM  
07 November 2021

Sumber Artikel : Prof. Madya Dr. Abdul Rauf  
Ridzuan  
Pensyarah Kanan FKPM, UiTMCM

# Utamakan kepentingan rakyat



PERSPEKTIF  
SHAFEZAH ABDUL WAHAB

Kemelut politik di Melaka perlu diselesaikan dengan kaedah berkepentingan rakyat, bukan hanya bagi kepentingan parti politik semata-mata.

Rakyat jelas tidak setuju dengan sikap ahli politik yang suka memanaskan suhu politik negara dan hilang fokus dalam peranan untuk membentuk kestabilan politik ketika fasa pemulihan pandemik Covid-19.

Persefahaman dan kerjasama politik di peringkat pusat wajar selari dengan negeri dalam persiapan menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Perkara tersebut perlu menjadi pertimbangan utama, apatah lagi ia melibatkan kerjasama politik kukuh antara parti yang mempunyai aspirasi dan matlamat sama.

Tiada siapa yang angka PRN Melaka yang dijadualkan pada 20 November ini akan benar-benar berlaku. Semuanya gara-gara langkah kecundang empat politikus sehingga mencipta satu lagi

episod 'marilah mari keluar mengundi'. PRN Melaka muncul tanpa diduga sewaktu rakyat Malaysia mula merasai sedikit kebebasan pada musim pandemik Covid-19.

Ada pihak berkata, apa perlu PRN ini diadakan kerana negara menghampiri Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Namun, itulah harga yang perlu dibayar demi menjulang dan mempertahankan sebuah demokrasi.

Bagaimanapun, demokrasi tidak buta dan memahami dunia masih berdepan ancaman wabak yang sangat misteri.

Justeru, ada jalan untuk ia digerakkan seiring dengan keperluan menjaga keselamatan dan nyawa. PRN Melaka sememangnya perlu berlangsung demi menyelesaikan krisis politik yang berlaku di negeri itu.

Malah, menyerahkan semula mandat kepada rakyat adalah kaedah terbaik dan bertanggungjawab.

Situasi di Melaka berbeza dengan Sabah ketika PRN berlaku pada September 2020. Ketika itu, penularan Covid-19 di Sabah amat tinggi, manakala vaksinasi pula belum dilaksanakan. Kini lebih 90 peratus pengundi populasi dewasa telah divaksin dan rentas negeri sudah pun dibenarkan.

Ancaman penularan sudah tentu ti-

dak sama berbanding semasa PRN Sabah kerana liputan vaksinasi dewasa yang tinggi. Tetapi ancaman penularan masih ada kerana ada golongan belum menerima vaksin dan jika dijangkiti berisiko tinggi mendapat penyakit yang teruk.

Golongan dimaksudkan termasuk kanak-kanak dan sebilangan remaja serta mereka yang masih enggan divaksin.

Memandangkan PRN Melaka tidak dapat dielakkan, maka prosedur operasi standard (SOP) perlu diteliti semula. Ia termasuk cara berkempen, hari membuang undi, hari penamaan calon dan sebagainya yang sebelum ini melibatkan perkumpulan orang ramai.

Beberapa hari lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menetapkan aktiviti, perhimpunan atau majlis sosial berkaitan PRN Melaka adalah dilarang. Kempen pilihan raya juga disarakkan untuk dilaksanakan secara digital.

Penggunaan platform media digital akan menjadi alternatif utama bagi kebanyakan parti yang bertanding pada PRN Melaka.

Mengambil pengajaran daripada dua parti yang dikompaun susulan kegagalan mematuhi larangan termasuk SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN), beberapa pimpinan politik senada bahawa strategi mendekati pengundi perlu diubah

mengikut norma baharu. Langkah berkenaan memaksa parti mengubah pendekatan berkempen dan gerak kerja yang berkonsepkan konvensional kepada penggunaan penuh teknologi.

PRN Melaka boleh dijadikan medan bereksperimentasi untuk pilihan raya secara maya. Bagi kebanyakan parti politik, PRN Melaka ibarat 'ujian percubaan' sebelum menduduki 'peperiksaan' sebenar PRU15.

Melaka hanya mempunyai 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding 73 DUN di Sabah. PRN Melaka akan memberi pengalaman baik kepada SPR untuk pelaksanaan PRU15.

Justeru, PRN Melaka adalah sebuah eksperimentasi kepada pelaksanaan demokrasi semasa pandemik dan endemik.

Bagaimanapun, demografi pengundi di sesebuah kawasan itu memainkan peranan penting dalam menentukan kemenangan sesebuah parti, selain calon yang bertanding juga akan menjadi perhatian pengundi sebelum keputusan dibuat pada 20 November ini.

Jadi, rakyat Melaka perlulah buat pilihan yang bijak!

*\* Shafezah Abdul Wahab ialah Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media UiTM Cawangan Melaka.*

Artikel Akhbar - Berita Harian  
11 November 2021

Sumber Artikel : Shafezah Abdul Wahab  
Pensyarah Kanan FKPM, UiTMCM

## Pengundi Melaka perlu bijak nilai kempen melalui platform digital



Oleh Shafezah Abdul Wahab dan Hilmi Abu Bakar  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan  
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media,  
Universiti Teknologi  
MARARA (UiTM)  
Melaka

Bagang Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka semakin hangat apabila 112 calon dan jentera sibuk berkempen siang malam memancing undi dengan tempoh berkali-kali empat hari sebelum hari pengundian.

Berbanding minggu lalu dengan kempen masih suram kerana terdapat calon keliru terhadap prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Semak Terasa selepas seluruh kawasan mula dipenuhi bendera dan poster calon.

Malah, perang manifesto pilihan raya juga memuncak dalam politik Melaka apabila Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) dan Pakatan Harapan (PH) menawarkan janji untuk menarik pengundi.

Ramailah calon berkempen dengan cara norma baharu dan digital ekrannya sekatan kempen fizikal seperti ditetapkan MKN. PH misalnya mengemukakan ceramah secara langsung di Facebook, se-

lain wawancara sembang politik dianjurkan DAP selaku antara komponen PH.

BN tidak kurang hebat apabila calon mereka, terutama dalam kalangan calon muda aktif berkempen menerusi platform digital.

PRN Melaka ini memperlihatkan dimensi baharu dalam politik Malaysia dengan calon dan parti politik menunjukkan gaya baharu kempen dengan memanfaatkan sepenuhnya platform media digital.

Sudah tentu, pemilihan platform digital sebagai kempen PRN Melaka menjadi pilihan terbaik kerana kita terpaksa berhadapan pilihan raya dalam suasana pandemik belum pulih.

Jentera kempen pilihan raya daripada parti politik bertanding sudah mengenal pasti platform popular berdasarkan kumpulan sasaran dan kandungan digital melalui capaian internet yang pastinya boleh menarik minat, pengundi terutama pengundi muda. Suruhannya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan lima aktiviti utama menerusi capaian internet adalah melalui saluran komunikasi teks, iaitu 96.1 peratus; media sosial (93.3 peratus); menonton video (87.3 peratus); komunikasi suara atau video (81.1 peratus) dan mendapatkan maklumat (74.3 peratus).

Kempen secara digital ini jika dilihat secara teliti pasti dapat memberi langkah besar kepada pihak yang tahu memanfaatkan kelebihan platform media ada. Justeru, pengundi perlu lebih bijak dan mempunyai pemikiran kritis dalam menilai maklumat diterima melalui platform digital.

Itulah maklumat di hujung jari bukan lagi baharu, namun pengundi perlu melengkapkan diri dengan kemahiran literasi media dan maklumat bagi mengelakkan penerimaan berita tidak benar di platform digital.

Oleh itu, pengundi perlu tahu platform media digital meletakkan algoritma buih tapisan bagi memaparkan maklumat dijangkakan dapat memenuhi minat mereka dikira berdasarkan sejarah carian

dan penggunaan internet.

Jika pengundi tidak sedar mengenai kosdan ini, mereka akan terus terperangkap dalam situasi yang dipanggil 'ruang gema' di platform media digital. Ruang gema ini akan menyebabkan mereka hanya menerima maklumat berkaitan sumber pilihan dan melihatnya dari satu sudut sahaja.

Kempen secara digital ini membuka ruang kepada pengundi untuk mendapatkan pelbagai maklumat daripada semua parti bertanding. Pengundi yang bijak mampu melepaskan ikatan minda daripada hanya menerima dan mempercayai maklumat satu pihak sahaja.

Namun, kempen menerusi platform digital ini juga dilihat kurang memberi kesan kepada pengundi dalam kalangan 'orang lama' yang tidak terlalu terdedah dengan capaian maklumat di platform digital.

Oleh itu, selain kempen secara digital, tarul dilaksanakan jentera parti ialah kenderaan siar raya dan beberapa kempen bersesuaian skala kecil mematuhi SOP ditetapkan.


Selain itu, langkah kerajaan membenarkan semua parti, termasuk calon bebas untuk menyebarkan poster dan biotada calon di Radio Televisyen Malaysia (RTM) adalah suatu teras melegakan semua parti bertanding dan akan merancakkan amalan demokrasi di negara ini.



Artikel Akhbar - Berita Harian  
16 November 2021

Sumber Artikel : Shafezah Abdul Wahab dan  
Ts Mohd Hilmi Bakar  
Pensyarah Kanan FKPM, UiTMCM

# BN tidak boleh terlalu selesa



SHAFEZAH ABDUL WAHAB

**K**emenangan besar Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka seolah-olah memberi isyarat kembalinya kepercayaan pengundi kepada kepimpinan UMNO dan kerajaan BN selepas terganggu semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Isa sekali gus memberi petunjuk keyakinan rakyat kepada gabungan itu untuk mentadbir. Rakyat khususnya di Melaka yakin dengan kekuatan dan dasar diperkenalkan BN dalam usaha membawa Melaka menjadi negeri yang stabil daripada pelbagai aspek pasca Covid-19 terutama pemulihan ekonomi.

Kemenangan selesa menyaksikan BN berjaya membentuk kerajaan Melaka yang baharu dengan majoriti dua pertiga adalah sesuatu di luar jangkaan. Konsep Keluarga Malaysia diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ternyata bersifat inklusif, ke-

keluarga dan prihatin kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira perbezaan. Ini kerana semua parti utama yang bertanding memiliki kekuatan hampir sama dalam usaha membentuk kerajaan negeri.

Gambaran sokongan rakyat pada PRN Melaka menjelaskan keinginan mereka untuk melihat Melaka tidak diganggu gugat dengan isu politik yang merimaskan. Kemenangan BN adalah mesej jelas rakyat mahu sebuah kerajaan stabil.

PRN Melaka turut membuktikan rakyat menolak pemimpin yang dilabel sebagai 'kata politik' apabila semua calon berkenaan tewas kepada pesaing masing-masing. Rakyat inginkan perubahan kepada pemimpin muda terpelajar yang berkaliber untuk menjadi wakil rakyat mereka. Pola percaturan tersebut mungkin boleh dijadikan formula untuk PRU15 kelak.

BN membuktikan manifesto, dasar dalam Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) meyakinkan rakyat yang sudah berpengalaman ditadbir Pakatan Harapan (PH) sebelum ini.

Kerajaan negeri yang diketuai Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali

perlu tampil dengan bajet negeri lebih menyeluruh dan boleh membantu meningkatkan semula ekonomi rakyat yang terjejas. Bajet negeri juga perlu menyentuh dan dirasai segenap lapisan masyarakat khususnya mereka yang terkesan akibat pandemik.

Pengundi meletakkan harapan tinggi terhadap wakil rakyat yang dipilih pada PRN Melaka dan mahu mereka meneruskan tugas pemimpin terdahulu yang tertangguh.

Rata-rata pengundi inginkan wakil rakyat baharu yang mudah didekati, berdedikasi, cekap dan amanah serta mampu memberi perkhidmatan lebih baik.

Kini tidak timbul lagi kerajaan yang 'longgar' melalui keputusan dibuat oleh rakyat dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dipilih harus bekerja keras untuk memulihkan ekonomi, selain memastikan infrastruktur dan kesihatan komuniti terpelihara.

Pendekatan walkabout (turun padang), meninjau dan mengatasi isu rakyat perlu diberi perhatian termasuk kebersihan bandar, keprihatinan, taman perumahan, jaringan internet, kebajikan dan kemudahan penduduk diambil tindakan dengan serius.

Pengundi Melaka yakin dengan

gabungan wakil rakyat muka baharu dan lama dalam kerajaan BN Melaka akan bekerja keras bagi memastikan mandat rakyat pelbagai kaum sentiasa diutamakan.

Sokongan yang diterjemahkan itu turut menggambarkan rakyat mahu trend kecemerlangan BN yang memimpin negara sejak puluhan tahun terus dilaksanakan di Melaka.

Namun, BN tidak boleh terlalu selesa dengan kemenangan tersebut. Keputusan PRN Melaka tidak boleh dijadikan kayu ukur kerana rama pengundi Melaka di luar negeri itu tidak membuat pilihan mereka kali ini.

Peraturan pengundi yang mengundi BN adalah 38 peratus, manakala peraturan yang mengundi PH adalah 35 peratus.

Jika dilihat kerusi-kerusi yang dimenangi, ada sekitar 10 kerusi misalnya (perbezaan undi) di bawah 1,000. Maknanya, berlaku persaingan sengit. Ia boleh menjejaskan momentum buat BN tapi ia bukan jaminan mutlak untuk mereka betul-betul kembali berkuasa pada PRU15.

\* Shafezah Abdul Wahab ialah Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM Cawangan Melaka

Artikel Akhbar - Berita Harian  
25 November 2021

Oleh Yusmizal  
Dolah Aling  
yusmizal@beme-  
ins.com.my

Kuala Lumpur

**K**onsep Keluarga Malaysia diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mampu menjadi pemangkin kepada keharmonian dan kestabilan kaum ketika negara dalam fasa pemulihan akibat pandemik.

Gagasan berkenaan yang menjadi platform kebersamaan dalam kalangan rakyat dilihat tepat pada masanya semasa situasi politik dalam negara yang berdepan kemotak sebelum ini.

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Multimedia Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shafezah Abdul Wahab berkata, konsep itu ternyata bersifat inklusif, kekeluargaan dan prihatin kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira perbezaan dan ia diterima dengan baik oleh rakyat.

"Di mana-mana sekarang ini, orang mula bercakap dan menerima Keluarga Malaysia sebagai satu gagasan yang meliputi semua, tidak kira punjati, kedudukan dan latar belakang."

"Apatah lagi rakyat rakyat di negara ini mahukan perubahan lebih-lebih lagi pada kestabilan dan kemakmuran."

"Isa mesej jelas rakyat mahu sebuah kerajaan yang stabil tanpa menghiraukan polemik politik tidak stabil terus berpanjangan," katanya. Menurutnya, dalam konteks ini, kestabilan yang dicipta menerusi kesepakatan antara kerajaan dan pembangkang baru-baru ini benar-benar memuaskan hati."

Shafezah berkata, kestabilan itu bermakna situasi di dalam negara lebih terkawal tanpa perlu mengorbankan pilihan raya untuk memulakan kerajaan baharu sebelum tiba masanya.

Katanya, ia dilaksanakan lagi dengan situasi jangka panjang yang belum pernah sepenuhnya namun pada masa sama, ekonomi perlu diperkukuh-

## Pemangkin keharmonian

Konsep Keluarga Malaysia jadi platform kebersamaan dalam kalangan rakyat



KONSEP Keluarga Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersifat inklusif, kekeluargaan dan prihatin kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira perbezaan.



rajaan akan meneruskan bantuan khususnya kepada golongan sahar dan industri kecil dan sederhana yang terkesan.

"Konsep ini juga menjayakan pemuliharaan semua sektor yang terjejas dan ia diterima semua rakyat negara setakat ini."

"Sebelum ini saya pernah sebat mengundi namun negara maju dan berprestasi tinggi yang bermatlamat sebagai aspirasi jangka panjang kali cabaran masa hadapan dalam mencapai visi itu berlandaskan Kebersihan Kebahagiaan."

bersama-sama Perdana Menteri untuk mempertahankan kedaulatan Keluarga Malaysia untuk memacu negara menjadi negara maju pasca Covid-19," katanya.

Visi Keluarga Malaysia ialah memulihkan negara, mencapai status negara maju dan berprestasi tinggi yang bermatlamat sebagai aspirasi jangka panjang kali cabaran masa hadapan dalam mencapai visi itu berlandaskan Kebersihan Kebahagiaan."

Selaras dengan situasi semasa, ia turut menggariskan hala tuju strategik iaitu rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan bergandungan memulihkan negara daripada impak negatif akibat Covid-19.

Ia juga merangkumi menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia di bawah naungan Keluarga Malaysia, menggariskan perbezaan politik untuk mencapai kestabilan, memulihkan semula dan memperkukuh jurang ekonomi.

Artikel Akhbar - Berita Harian  
25 November 2021

Sumber Artikel : Shafezah Abdul Wahab dan  
Pensyarah Kanan FKPM, UiTMCM

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049



9 772785 804005